



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN
KARNIVAL USAHAWAN DESA 2017

DEWAN MERDEKA
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)
KUALA LUMPUR

20 OKTOBER 2017 (JUMAAT)
WAKTU KETIBAAN : 4.00 PETANG

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillhiirrahmaanirrahiim

Assalamu'alaikum Warahmatullhi Wabarakaatuh

Salam Sejahtera Dan Salam Negaraku Malaysia

SALUTASI

Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak

Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat

Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri

Yang Berhormat

Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri

Yang Berhormat

Timbalan-Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Datuk Alexander Nanta Linggi dan Datuk Ahmad Jazlan Yaakub

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Dewan Rakyat dan Dewan Negara

Ahli-Ahli Yang Berhormat

EXCO Luar Bandar

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa

Ketua Setiausaha Negara

YBhg. Datuk Borhan bin Dolah

Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Mesyuarat Kerajaan Negeri

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Pegawai-Pegawai Kanan dan Pengurus-Pengurus Besar

Seterusnya Sidang Hadirin sekalian.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah RahmatNya jua, maka pada hari ini kita dapat bersama di majlis Perasmian Karnival Usahawan Desa 2017.

2. Terlebih dahulu saya mewakili Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak; Perdana Menteri Malaysia ke Majlis ini.

3. Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Pemimpin-Pemimpin Kerajaan Peringkat Persekutuan Dan Negeri, kepimpinan akar umbi serta sidang hadirin sekalian yang sama-sama hadir menyemarakkan lagi majlis kita pada hari ini. Tidak lupa kepada usahawan Industri Desa yang terlibat dalam apa jua program yang dianjurkan sempena KUD kali.

4. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato Seri, pelaksanaan KUD 2017 merupakan penganjuran kali ke Tujuh. Kita amat bersyukur kerana melalui program **dwitahunan** ini yang bermula pada tahun **2006** bertujuan untuk memperkenalkan, mempromosi dan meluaskan akses pasaran serta dapat memartabatkan produk dan perkhidmatan Usahawan Desa melalui gabungan pelbagai strategi pemasaran dalam satu program iaitu Karnival Usahawan Desa. Penganjuran Karnival KUD pada tahun sebelum ini telah menunjukkan prestasi yang amat memberansangkan di mana setiap tahun menunjukkan peningkatan dalam penyertaan jumlah usahawan, pengunjung, peningkatan jumlah jualan dan penyertaan dalam sesi pepadanan perniagaan terus meningkat.

Y.A.B Dato' Seri dan Hadirin Sekelian,

5. KUD 2017 yang diadakan pada 19 hingga 22 Oktober ini disertai lebih daripada 700 usahawan desa yang mempamerkan produk-produk dan perkhidmatan mereka yang dibahagikan kepada enam kluster; iaitu makanan dan minuman, perkhidmatan dan pelancongan, gaya hidup, kesihatan dan kecantikan, produk pertanian dan ICT serta ICT kreatif. Penerimaan positif daripada usahawan-usahawan menunjukkan program KUD ini sentiasa di nanti-nantikan oleh usahawan-usahawan desa sebagai platform untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

6. KUD 2017 juga merupakan kombinasi pelbagai strategi pemasaran sebagai satu platform bagi usahawan desa di mana terdapat pelbagai aktiviti serta peluang bukan sahaja kepada komuniti usahawan tetapi juga kepada pengguna untuk

merasai pengalaman terbaik produk atau perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh usahawan desa. Selain pameran dan jualan terus kepada pengguna iaitu **Business-to-Consumer**, program **Business-to-Business** juga diberi penekanan pada KUD 2017 kali ini di mana aktiviti 'Eksplorasi Niaga' yang memperkenalkan buat pertama kalinya **Trade Day** sebagai platform jaringan perniagaan di antara pihak industri seperti hypermarket, pemasar, pengedar dan pembeli bersama usahawan desa.

7. Kita sedar bahawa masalah yang dihadapi oleh usahawan mikro dan PKS termasuk Usahawan Desa iaitu usahawan-usahawan ini tidak berupaya untuk memperuntukan bajet yang besar bagi tujuan pemasaran dan promosi produk pengeluaran mereka. Sehubungan ini, adalah penting program seumpama ini menjadi salah satu mekanisme dan strategi pemasaran yang lebih praktikal dalam usaha kerajaan untuk membantu Usahawan Desa mengembangkan akses pasaran ke peringkat yang lebih tinggi.

8. Saya amat berbangga kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita sayangi sentiasa memberi komitmen yang tinggi terhadap program Karnival Usahawan Desa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanpa gagal akan hadir ke majlis perasmian Karnival Usahawan setiap kali ia dianjurkan dan saya yakin dengan sokongan serta dorongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, penganjuran karnival Usahawan Desa ini bukan sahaja dapat diteruskan, malahan diperhebatkan pelaksanaannya untuk memastikan usahawan-usahawan desa dapat diperkasakan.

9. Revolusi media sosial dan perkembangan teknologi telah banyak mempengaruhi interaksi dan transaksi perniagaan dari urusan jualan secara fizikal, kini segalanya berada di hujung jari. Di bawah strategi Pelan Transformasi Luar Bandar, salah satu inisiatif yang telah dirangka iaitu Memperluas Perniagaan Secara dalam talian (**Online**) untuk Usahawan Desa menggunakan e-dagang telah dirancang dan dilaksanakan. E-dagang bukan sahaja dapat membantu meningkatkan jualan dan meluaskan pasaran, malah akan dapat meningkatkan mutu dan kualiti produk-produk Usahawan Desa. Akhirnya, produk-produk atau perkhidmatan usahawan desa ini dapat bersaing dan seterusnya menembusi pasaran diperingkat yang lebih tinggi, bertepatan dengan tema KUD2017 iaitu **Usahawan Desa Produk Global**.

Y.A.B Dato' Seri dan Hadirin Sekelian,

10. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa peka dan komited di dalam memajukan luar bandar dengan merealisasikan Aspirasi Transformasi melalui slogan 'Membandarkan Luar Bandar' untuk menjadikan kawasan luar bandar yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti yang dinikmati oleh penduduk di bandar. Sebanyak enam fokus utama iaitu Prasarana

Luar Bandar, Pembangunan Belia Luar Bandar, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan dan Sistem Penyampaian. Fokus ke Empat iaitu Keusahawanan, memberi penekanan terhadap usaha memartabatkan perniagaan Bumiputera dan mewujudkan entiti pemasaran produk luar bandar bagi menembusi pasaran kuasa beli tinggi.

11. Bagi memajukan Usahawan-Usahawan Desa, Kementerian ini bersama-sama agensi-agensi di bawah Kementerian seperti MARA, FELCRA, RISDA, KEJORA, KETENGAH, KEDA, KESEDAR, JAKOA dan INFRA sentiasa memberi bantuan dan bimbingan untuk meningkat dan memajukan Usahawan-Usahawan Desa dari segi latihan, khidmat nasihat, pembangunan produk, promosi dan pemasaran. Selain itu, Kementerian juga meneruskan usaha-usaha pemasaran yang melibatkan pelbagai program seperti Rural Business Challenge, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, Mobilepreneur, Desa Lestari Desamall@KKLW.

12. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato Seri, pada pagi ini seramai lapan orang usahawan akan menerima Anugerah Usahawan Cemerlang Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED). Program SPED merupakan skim pembiayaan kepada usahawan luar bandar bagi mengembangkan perniagaan mereka. Sebanyak RM270 juta telah diperuntukkan di bawah Kementerian ini dari tahun 2001 sehingga tahun 2014. Bank Rakyat dan SME Bank telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi menguruskan skim pembiayaan ini.

13. Usahawan-usahawan ini merupakan peminjam di bawah program SPED yang telah berjaya menunjukkan peningkatan prestasi perniagaan setelah mendapat pembiayaan SPED. Usahawan-usahawan ini telah memenuhi syarat-syarat pemberian muqasah sebanyak 30 peratus kepada peminjam yang tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran balik. Ini bermakna, peminjam hanya perlu membayar balik sebanyak 70 peratus sahaja dari nilai pembiayaan yang telah diluluskan. Sehingga kini sejumlah RM10.5 juta pemberian muqasah telah diluluskan kepada 370 orang usahawan.

14. Selain itu, besarlah harapan saya, dengan penganjuran KUD 2017 akan dapat mengubah persepsi masyarakat yang sentiasa menganggap produk-produk tempatan, terutamanya produk keluaran Usahawan Desa mempunyai kualiti yang rendah adalah tidak benar. Diharap dengan penganjuran KUD2017 ini akan memberi satu impak positif kepada masyarakat bahawa kualiti produk-produk Usahawan Desa adalah setanding dengan produk keluaran yang diimport.

15. Sekali lagi saya ingin menzahirkan rasa bangga dan merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas kesudian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak; Perdana Menteri Malaysia ke Majlis ini dan seterusnya merasmikan Karnival Usahawan Desa 2017. Saya juga ingin mengucapkan terima

kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Karnival Usahawan Desa 2017 ini

16. Sekian, saya sudahi dengan **Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, Terima Kasih.